

SUMBANGAN “SYAURAH ISHAK” DALAM PENGAJARAN AL QURAN TERHADAP GENERASI MUDA MELALUI MEDIA SOSIAL

Siti Nur Izatul Syazwani Binti Nasarudin¹
Wan Nurul Nabilah Husna Binti Wan Ahmad²
Anis Sabrina Binti Khairul Nizam³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syazwaniizatul@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: nabilahusna188@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: anissa@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Al-Quran merupakan kitab suci bagi umat Islam dan padanya terkandung firman-firman Allah sebagai sumber panduan utama umat Islam. Dalam meniti kehidupan pada marcapada, pengajaran Al-Quran menjadi satu keperluan bagi menghilangkan kejahilan dalam diri. Tambahan pula, tuntutan mempelajari Al-Quran itu sendiri merupakan Fardhu Ain. Terdapat pelbagai kaedah pengajaran Al-Quran yang dapat digunakan pada zaman kini seperti pengajaran secara fizikal, atas talian dan pembuatan video melalui media sosial kerana segala kemudahan sudah berada diujung jari. Namun, umat Islam khususnya generasi muda tidak mahir dalam mengendalikan kemudahan yang terkini dan akhirnya memberi impak yang negatif kepada mereka. Segelintir anak muda lebih cenderung menggunakan media sosial sebagai platform hiburan sehinggakan sanggup mengidolakan figura yang salah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memperkenalkan kepada generasi muda seorang tokoh pemuda yang memartabatkan Al-Quran dengan mendedahkan pengajaran Al-Quran di platform-platform media sosial iaitu Syaurah Ishak. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk memperlihatkan sumbangannya dalam bidang pengajaran Al-Quran. Seterusnya, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran Al-Quran melalui media sosial. Penelitian ini berbentuk soal selidik terhadap pelajar USIM yang mengenali beliau dan pernah melibatkan diri dalam pengajaran beliau. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif untuk mencari maklumat-maklumat mengenai beliau melalui platform media sosial dan buku-buku yang beliau pernah terbitkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak sumbangan beliau dalam pengajaran Al-Quran khususnya bidang hafazan Al-Quran. Beliau juga aktif dalam menyampaikan ilmu melalui pelbagai platform media sosial seperti aplikasi Tiktok, Facebook dan Instagram. Dapat disimpulkan bahawa dengan adanya teknologi terkini dapatlah membantu proses pengajaran Al-Quran menjadi lebih progresif.

Kata kunci: Al-Quran, media sosial, generasi muda, hafazan.

Pengenalan

Penggunaan media sosial telah menjadi wadah baru yang sangat penting dalam kehidupan manusia hari ini. Hampir dalam setiap aspek kehidupan, media sosial telah menjadi pembantu yang banyak melancarkan perjalanan atau pelaksanaan urusan kehidupan manusia. Antara bidang yang amat berkait dengan penggunaan media sosial ini adalah bidang pembelajaran Al-Quran. Ini kerana platform ini telah menjadi medium yang dapat merealisasikan matlamat penyebaran pada masa kini, iaitu melahirkan generasi yang cakna tentang Al-Quran. Justeru, penggunaan media sosial dalam pembelajaran Al-Quran sangatlah ditekankan demi kelangsungan pendidikan berkualiti di negara ini.

Metodologi kajian

Kajian ini menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif untuk memberikan pemahaman yang holistik berkaitan sumbangan “Syaurah Ishak” dalam pengajaran Al-Quran terhadap generasi muda melalui media sosial. Data kualitatif digunakan untuk mendalami pandangan, persepsi, dan konteks pengajaran Al-Quran yang dibawakan oleh beliau melalui perspektif responden yang terlibat. Borang soal selidik berbentuk ‘google form’ telah diedarkan kepada para responden. Sementara itu, data kuantitatif dikumpulkan melalui pencarian pada rujukan fizikal seperti buku-buku khususnya yang figura ini sendiri terbitkan, dan melalui atas talian seperti laman-laman web yang berautoriti dan media-media sosial milik beliau. Pendekatan gabungan ini diharapkan dapat menyediakan pandangan yang lebih lengkap dan mendalam terhadap kajian yang dilakukan serta memberikan hubungan yang signifikan kepada literatur kajian.

Kajian literatur

Bahagian ini menerangkan kajian secara literatur berkaitan pengajaran Al-Quran melalui media sosial. Kajian literatur ini dijalankan bertujuan meningkatkan lagi pemahaman tentang topik yang hendak dikaji. Pelbagai bahan rujukan telah digunakan seperti buku, jurnal dan artikel sama ada secara fizikal atau atas talian.

Pengajian Al-Quran

Pengajian al-Quran merupakan subtopik dalam pengajian Islam yang merupakan ilmu fardhu ain dan asas kepada pelbagai jenis ilmu. Dalam era kecemerlangan tamadun keilmuan Islam, pengajian al-Quran merupakan ilmu asas bagi tokoh-tokoh cendekiawan terdahulu, seperti Ibn Nafis, Ibn Sina dan Imam Syafi‘i yang mendalami serta berupaya menghafal al-Quran sejak dari kecil lagi. Kelebihan bagi individu yang belajar, membaca, mengajar, menghafal dan mendengar al-Quran banyak terdapat dalam al-Quran mahupun dalam hadis-hadis sahih (Siti Patonah, et al., 2014).

Pengajian Al-Quran bagi tujuan dakwah

Al-Quran dianggap sebagai rujukan utama dakwah, dan ia boleh dirumuskan sebagai mesej yang disampaikan oleh seorang da'i kepada golongan mad'u melalui pelbagai kaedah dan media. Platform media sosial seperti YouTube, Twitter, dan Facebook dilihat sebagai alat dakwah yang berkesan kerana aksesnya yang luas. Bagaimanapun, semakan itu juga menunjukkan keperluan untuk menggunakan media sosial dengan bijak dan mematuhi piawaian etika dan undang-undang untuk mencegah fitnah dan ucapan kebencian.

Penggunaan ICT dalam pengajaran Al-Quran

Pada era globalisasi ini, setiap kajian ilmu sangat sinonim dengan ICT. Hal ini kerana, teknologi ini membolehkan kita mengakses maklumat dengan lebih mudah. Ia juga memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran serta membantu untuk berkomunikasi dengan berkesan. Malah, jika dilihat dari sudut ini, tidak sukar untuk kita mengaitkan ICT dalam pengajaran Al-Quran. Ini kerana ICT sangat berkait rapat dengan semua jenis ilmu dan ianya salah satu proses penyebaran ilmu yang mengajak manusia untuk mengenali ilmu Al-Quran dengan lebih mendalam (Muhammad Syamim, et.al, 2023).

Pengajaran Al-Quran melalui media sosial

Fatin Nazmin, et al. (2020) menyatakan bahawa penggunaan media sosial sejak kebelakangan ini telah berkembang pesat sehingga ia menjadi medium komunikasi utama dalam kalangan masyarakat. Ia juga menjadi satu keperluan untuk memperoleh maklumat mengenai pengajaran Al-Quran dengan lebih mudah dan cepat. Hal ini kerana, pengajaran Al-Quran bukan sahaja dipelajari berbentuk pembukuan atau disebarkan dalam bentuk fizikal namun turut boleh disebarkan melalui aplikasi yang lebih dekat dengan masyarakat supaya lebih ramai mendapat manfaat. Penggunaan media sosial dalam memberi penjelasan mengenai pengajaran Al-Quran adalah sesuatu perkara yang sangat mantap dan teratur baik. Oleh yang demikian, usaha menggunakan medium media sosial dalam memberi pengajaran al-Quran amat sesuai untuk dilaksanakan.

Selain itu, Nur Madiha dan Muhammad Hafiz (2021) menyenaraikan pelbagai platform Media sosial seperti Facebook, Instagram, Whatsapp, Telegram dan sebagainya yang dianggap sebagai medium pengajaran dan pembelajaran baharu. Ini merupakan salah satu pendekatan yang dapat dilaksanakan di alaf baru. Peranan media sosial sebagai medium pengajaran ini mampu untuk menghubungkan masyarakat, menuntut ilmu, serta membantu mencari maklumat tentang Al-Quran dengan lebih mudah dan efisien. Medium yang diwujudkan ini dapat mendorong masyarakat agar sentiasa membaca Al-Quran walau dalam apa jua keadaan.

Tambahan pula, media sosial adalah media baru yang berfungsi sebagai pemudah cara, keberadaan media sosial menjadikan dakwah dapat disampaikan dalam pelbagai bentuk dan ia dilihat lebih pantas dalam menyampaikan sesuatu ilmu serta mampu dikongsikan kepada seluruh dunia kerana ia bersifat lebih global. Penggunaan media sosial dalam pengajaran Al-Quran bukan semata-mata sebagai pengantara atau alat tetapi berfungsi lebih dari itu. Media sosial juga berkembang secara evolusi menjalani fasa-fasa tertentu dan sehingga kini dilihat lebih sistematik dengan reka bentuk yang menarik dilengkapi dengan kombinasi sumber-sumber manusia dan bukan manusia untuk menghasilkan pengajaran yang lebih efektif. Media sosial sememangnya diperakui sentiasa memainkan peranan penting sebagai alat sebaran maklumat termasuklah maklumat tentang Al-Quran. Keberkesanan sesuatu ilmu diperoleh bergantung kepada usaha sejauh mana pengamalnya menguasai medium penyebaran maklumat pada zamannya. Apa yang dimaksudkan dengan media baru adalah alat untuk menyampaikan perkhbarannya, isi dan pemikiran kepada sasaran yang juga dalam bahasa Arab merujuk kepada perkataan *wasa'il* (Fadzli Adam, et al., 2015).

Seterusnya, pengajaran dan pembelajaran al-Quran melalui media komunikasi adalah satu usaha yang baik dan boleh dimanfaatkan dalam pembelajaran al-Quran. Ia adalah utama bagi mereka yang sudah boleh dan mahir dalam membaca al-Quran namun boleh digunakan oleh guru-guru atau individu untuk belajar al-Quran melaluinya. Kebaikannya lebih kepada membantu dalam belajar al-Quran namun masih perlu kepada bimbingan kepada seorang guru yang mahir secara talaqqi musyafahah (Dr Zulkifli). Belajar al-Quran melalui media komunikasi seperti Youtube, TikTok dan Instagram adalah cara yang menarik dan bagus, namun yang lebih terbaik dan berkesan adalah melalui bimbingan dan belajar secara berhadapan dengan guru. Namun jika seseorang itu dapat memanfaatkan kedua-dua cara tersebut dengan baik, ia akan memberikan hasil yang baik dalam meningkatkan kefahaman dan kelancaran bacaan al-Qurannya.

Trend pembelajaran agama menggunakan media sosial semakin meningkat terutamanya melalui platform YouTube. Pengguna memerlukan kandungan agama yang relevan dan sah, tetapi terdapat batasan dan kekurangan dalam menggunakan media sosial sebagai sumber pembelajaran agama (Muh Muhtador. (2018). Rujukan meliputi pelbagai topik yang berkaitan dengan persimpangan agama, pendidikan, dan media, termasuk penggunaan teknologi dalam pendidikan agama, kesan media sosial terhadap tingkah laku agama, dan peranan media dalam membentuk wacana agama (Zazin, N., & Zaim, M., 2017).

Media sosial sebagai platform penyampaian ilmu

Menurut Abdul Halim dan Zainab Zakirah (2019), media sosial memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan seharian sehingga sukar bagi seseorang untuk mengasingkan diri daripada pengaruhnya. Media sosial menjadi satu keperluan untuk mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa, pendidikan, sukan, kesihatan, dan hiburan. Pendidikan pada masa kini amat praktikal dan mudah dengan adanya pengajaran secara atas talian atau di pelbagai platform media sosial yang mudah diakses

di mana-mana atau pada bila-bila masa sahaja. Pengguna media sosial dapat mengakses ilmu dalam sesuatu bidang dengan mengikuti akaun-akaun yang menyediakan informasi terbaru tentang topik atau bidang tertentu. Contohnya, video berdurasi pendek di TikTok dapat menarik perhatian mereka yang baru berjinak-jinak dalam menimba ilmu. Justeru itu, golongan belia khususnya, haruslah bijak dalam memanfaatkan media sosial untuk menambahkan ilmu pengetahuan dengan membaca info-info dan maklumat terkini yang tersedia di pelbagai platform.

Selain itu, Irene Mardiatul Laily, Anita Puji (2022) menyatakan bahawa pada era 4.0 ini, penggunaan teknologi dan komunikasi menjadi hal yang sudah tidak asing lagi, hal tersebut membuat guru harus beradaptasi dengan teknologi dan dapat memanfaatkannya dalam proses belajar mengajar. Penggunaan teknologi pada media belajar merupakan salah satu cara memanfaatkan perkembangan teknologi dalam dunia pendidikan. Pemanfaatan teknologi dalam media pembelajaran dapat meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran. Guru dapat mencipta bahan pembelajaran yang kreatif dan dapat menarik perhatian pelajar dengan adanya media pembelajaran berasaskan digital. Oleh yang demikian, pembelajaran dalam bilik darjah akan menjadi lebih seronok di antara guru dan para pelajar kerana adanya suasana pembelajaran yang tidak membosankan.

Dakwah melalui media sosial

Dakwah adalah sebuah proses penyampaian informasi tentang ajaran islam dengan tujuan merubah sikap dan tingkah laku seseorang agar lebih positif. Dengan kemajuan dan kecanggihan alat-alat serta media komunikasi yang ada, sekarang konten dakwah generasi milenial harus banyak unsur virtualnya (Zainal Azman, 2021). Proses dakwah harus mampu beradaptasi dengan cepat terhadap perkembangan peralatan teknologi yang terus berkembang di era milenial ini. Dengan hanya menggunakan telefon pintar, seseorang dapat mengakses pelbagai model pengajian yang sesuai dengan keinginan mereka. Oleh itu, media sosial dijadikan sebagai salah satu media pembelajaran termasuklah mengenai Islam oleh generasi milenial yang sudah terbiasa dengan teknologi digital sejak mereka kecil lagi.

Seterusnya, Fifi Hasmawati dan Muhammad Randicha (2022) menyebut bahawa dakwah adalah suatu bentuk penyampaian Al-Quran dan Hadis, untuk menjadi pembimbing umat manusia dalam menjalani kehidupan. Didalamnya terjadi proses membantu aqidah manusia agar selalu mengikuti dan taat terhadap ajaran Al-Quran dan Hadis untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Pada masa kini, media sosial mempunyai pengaruh yang sangat kuat dan efektif terhadap masyarakat umum. Justeru itu, para pendakwah haruslah bijak dalam menggunakan media sosial sebagai media dakwah yang mampu memberikan kesan yang signifikan kepada para pengikutnya. Isi kandungan yang dimuat naik di media sosial perlulah kreatif, ringkas dan padat yang mampu untuk menarik minat masyarakat dan dapat melekatkan mereka dengan konten dakwah tersebut.

Pengajaran Al-Quran melalui teknologi

Cabaran pendidikan dalam era globalisasi, menekankan keperluan kajian teori. Pengkaji meneroka penggunaan modul fizik yang disepadukan dengan nilai al-Quran untuk meningkatkan kebolehan menyelesaikan masalah pelajar. Selain itu, pengkaji menyatakan bahawa aktiviti pengesahan dan latihan tugas pelajar perlu berpandukan pendekatan saintifik.

Keberkesanan Pembelajaran melalui media sosial

Keberkesanan pembelajaran dalam talian berasaskan media sosial Facebook dalam meningkatkan hasil pembelajaran pelajar. Contoh pembelajaran dalam talian berasaskan Facebook adalah lebih berkesan daripada pembelajaran dalam talian biasa, yang membawa kepada purata hasil pembelajaran pelajar yang lebih tinggi. Bahan pengajaran direka bentuk berdasarkan prinsip komunikasi yang berkesan, melibatkan interaksi dengan pelajar, berasaskan multimedia, dan memerlukan sokongan tutorial. Penggunaan media sosial dalam pembelajaran dalam talian didapati dapat mewujudkan sistem pembelajaran terarah sendiri yang menepati ciri-ciri bahan pengajaran yang sesuai untuk pembelajaran sendiri.

Tambahan pula, keberkesanan platform seperti Facebook untuk aktiviti dakwah, menawarkan ciri unik dan mesra pengguna yang menjadikannya alat prospektif untuk jangkauan Islam. Secara keseluruhannya, kepentingan untuk menyesuaikan usaha dakwah dengan era digital dan memanfaatkan media sosial sebagai alat yang ampuh untuk menjangkau dan melibatkan diri dengan khalayak yang lebih luas. Ini sejajar dengan keperluan model dakwah dan pengiktirafan media sosial sebagai medium yang relevan dan berkesan untuk jangkauan Islam.

Dapatan kajian

Bahagian ini memaparkan hasil penemuan dan maklumat-maklumat yang berjaya dikumpul menerusi kajian yang dijalankan. Dapatan kajian ini diperolehi menerusi kaedah analisis bahan bacaan seperti buku-buku yang diterbitkan oleh figura sendiri dan sumber internet, serta analisis data menggunakan soal selidik yang telah disediakan.


Latar belakang Syaurah Ishak

Syaurah Ishak atau nama sebenar beliau Syaurah Binti Ishak merupakan anak kelahiran Batu Caves, Selangor dan sekarang menetap di Bandar Selayang. Beliau merupakan anak pertama daripada empat adik-beradik.

Beliau melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di MRSM Gemencheh Ulul Albab. Kemudian meneruskan pengajian di peringkat asasi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bagi pengajian asasi Islam dan beliau telah

menamatkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam pengajian Al-Quran dan Al-Qiraat pada tahun 2021.

Beliau pernah menceburkan diri dalam rancangan televisyen bagi program Akademi Pendakwah Muslimat. Asbab itu, beliau telah dijemput daripada pelbagai agensi untuk memberi perkongsian berkenaan Al Quran. Selain itu, beliau juga aktif dalam bidang penulisan. Beliau telah menerbitkan beberapa buah buku seperti Modul Tajwid Edisi 1 dan 2, Cerita Budak Tahfiz serta Aku & Al-Quran 1 dan 2.



Gambar 1: Buku-buku terbitan Syaurah Ishak


Sumber: Laman *facebook* Syaurah Ishak

Sekarang beliau memegang jawatan sebagai pengarah Nasyrah Consultant sejak tahun 2018 dan beliau semakin aktif sebagai penceramah di beberapa buah institusi tahfiz, universiti dan masjid. Dalam waktu yang sama, beliau turut aktif berdakwah dan berkongsi ilmu berkaitan Al-Quran melalui akaun-akaun media sosial yang dimilikinya seperti di Instagram “syaurahishak”, Tiktok “syaurahishak”, dan Facebook “Syaurah Ishak”.



Gambar 2: Poster beliau sebagai pengarah Nasyrh Consultant

Sumber: Laman *facebook* Syaurah Ishak



Gambar 3: Pengajaran Al-Quran melalui media sosial

Sumber: Laman *facebook*, *Instagram* dan *Tiktok* Syaurah Ishak



Gambar 4: Seminar yang dianjurkan oleh beliau

Sumber: Laman *facebook* Syaurah Ishak

Analisis data melalui soal selidik


Menganalisis data dalam kajian menggunakan soal selidik merupakan proses yang sistematik bagi mendapatkan lebih pemahaman dan menggali lebih banyak maklumat,

data serta bukti yang kukuh melalui pertanyaan-pertanyaan yang diajukan kepada responden.

Pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan dalam borang soal selidik ini berbentuk pilihan jawapan. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama iaitu bahagian A adalah berkaitan latar belakang responden. Bahagian kedua iaitu bahagian B adalah berkenaan penggunaan media sosial dan pengajaran Al-Quran manakala bahagian ketiga iaitu bahagian C merupakan pertanyaan tentang pengajaran Al-Quran oleh figura yang dikaji “Syaurah Ishak”.


Analisis soal selidik bahagian A

Jantina
60 responses




Carta pai 1: Jantina

Umur
60 responses



Carta pai 2: Umur

Tahun pengajian
60 responses




Carta pai 3: Tahun Pengajian

Bahagian A terdiri daripada tiga komponen iaitu jantina, umur dan tahun pengajian. Borang soal selidik ini yang berbentuk (google form) telah diagihkan kepada mahasiswa dan mahasisiw Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Seramai 60 orang responden telah meluangkan waktu bagi mengisi borang soal selidik ini iaitu 45 orang perempuan dan 15 orang lelaki. Seterusnya, responden yang berumur lingkungan 22-24 tahun adalah paling ramai yang menjawab soal selidik ini iaitu seramai 42 orang, diikuti dengan responden yang berumur lingkungan 19-21 seramai 16 orang dan responden berumur 25-27 seramai 2 orang. Selain itu, berkenaan tahun pengajian, responden tahun 4 adalah paling ramai yang mengisi borang soal selidik iaitu seramai 39, disusuli dengan reponden tahun 3 seramai 10 orang, responden tahun 1 seramai 8 orang dan paling sedikit adalah responden tahun 2 iaitu seramai 3 orang.

Analisis soal selidik bahagian B


1. Adakah anda merupakan pengguna media sosial?
60 responses



Carta pai 4: Soalan untuk mengenal pasti responden merupakan pengguna media sosial atau bukan

Dalam mengukur tahap penggunaan media social bagi pelajar Universiti Sains Islam Malaysia, kajian mendapati bahawa 100% (60 orang) responden merupakan pengguna media sosial. Ini menunjukkan pada peredaran zaman terkini, media sosial turut menjadi sesuatu keperluan bagi pelajar sebagai hiburan mahupun pelajaran.

2. Adakah anda menggunakan media sosial untuk belajar Al-quran?
60 responses




Carta pai 5: Soalan untuk mengetahui responden menggunakan media sosial untuk belajar Al-Quran atau tidak

Dari sudut pengajaran dan pembelajaran Al-Quran melalui platform media sosial, data menunjukkan bahawa 96% (58 orang) responden merupakan bilangan majoriti yang menjadikan media sosial sebagai platform untuk pembelajaran Al-Quran manakala data yang menunjukkan

bilangan minoriti iaitu sebanyak 3.3% (2 orang) responden tidak meletakkan platform media sosial untuk pembelajaran Al-Quran.

3. Seberapa kerap anda menggunakan media sosial dalam sehari untuk belajar Al-Quran?

60 responses




Carta pai 6: Soalan tentang kekerapan responden menggunakan media sosial dalam sehari untuk belajar Al-Quran

Kajian turut bertanya tentang kekerapan penggunaan media sosial dalam sehari untuk pembelajaran Al-Quran. Kajian mendapati bahawa 60% (39 orang) responden kurang daripada 3 kali dalam penggunaan media sosial yang bertujuan untuk pembelajaran Al-Quran. Peratusan yang menunjukkan bilangan sederhana merupakan responden yang mengundi kekerapan sebanyak lebih daripada 3 kali iaitu 33.3% (20 orang) responden. Bilangan yang menunjukkan paling sedikit iaitu 1.7% (seorang) responden telah memilih tidak pernah menggunakan platform media sosial sebagai tempat untuk pembelajaran Al-Quran.

4. Adakah media sosial sesuai dijadikan tempat untuk mempelajari Al-quran?

60 responses




Carta pai 7: Soalan untuk memastikan kesesuaian media sosial sebagai tempat untuk mempelajari Al-Quran atau tidak

Adapun dari sudut kesesuaian penggunaan media social sebagai platform untuk pembelajaran Al-Quran didapati bahawa 88.3% (53 orang) yakin bahawa media sosial merupakan salah satu platform yang sesuai untuk mempelajari Al-quran. Manakala sebanyak 11.7% (7 orang) responden memilih tidak kerana media social juga bukanlah tempat yang sesuai untuk pembelajaran Al-Quran.

5. Adakah pengajaran Al-Quran melalui media sosial boleh membantu generasi muda untuk memperbaiki bacaan mereka?

60 responses




Carta pai 8: Soalan tentang sejauh mana pengajaran Al-Quran melalui media sosial boleh membantu generasi muda dalam memperbaiki bacaan mereka

Tidak dapat disangkal lagi bahawa bilangan majoriti iaitu 95% (57 orang) responden bersetuju dengan keberkesanan pengajaran Al-Quran melalui media sosial. Ini kerana melalui zaman terkini media sosial adalah yang paling rapat dengan generasi muda. Peratusan yang menunjukkan bilangan yang sedikit iaitu 5% (3 orang) responden tidak bersetuju tentang pengajaran Al-Quran melalui media sosial boleh membantu generasi muda untuk memperbaiki bacaan mereka.

Analisis soal selidik bahagian C


1. Adakah anda mengikuti figura pendakwah muda menerusi media sosial?
60 responses



Carta pai 9: Mengikuti figura pendakwah muda menerusi media sosial

Berdasarkan Rajah 9 yang tertera di atas, data menunjukkan bahawa 91.7% daripada peserta kajian, iaitu 55 individu, memberikan respons positif dengan menyatakan bahawa mereka mengikuti figura pendakwah muda menerusi media sosial. Di samping itu, terdapat 8.3% atau 5 responden yang menandakan bahawa mereka tidak mengikuti figura pendakwah muda melalui platform tersebut selepas menjalani proses pengisian borang soal selidik. Keputusan kajian yang diperoleh oleh penyelidik menunjukkan bahawa sebahagian besar responden cenderung untuk mengikuti figura pendakwah muda di media sosial. Fenomena ini secara tidak langsung membuka ruang untuk memahami perkembangan dakwah dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa peranan penting perlu dimainkan oleh para da'i agar dapat mempengaruhi golongan muda supaya dapat mendalami ilmu agama Islam dengan lebih mendalam.


2. Adakah anda mengenali seorang figura yang bernama "Syaurah Ishak"?
60 responses



Carta pai 10: Soalan berkaitan adakah responden mengenali seorang figura yang bernama "Syaurah Ishak"

Dengan merujuk kepada Rajah 10 yang tertera di atas, data yang jelas menunjukkan bahawa 46.7%, atau setara dengan 28 orang responden, memiliki pengetahuan mengenai sosok figura yang dikenali sebagai "Syaurah Ishak." Sebaliknya, 25 orang responden, atau 41.7%, menyatakan ketiadaan pengetahuan mereka mengenai individu tersebut. Tambahan pula, 7 orang responden, atau 11.7%, menyatakan ketidakpastian mereka mengenai sosok "Syaurah Ishak." Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa jumlah responden yang dapat mengenali Syaurah Ishak melebihi jumlah responden yang tidak mengenali beliau atau yang tidak pasti.

3. Adakah anda pernah mengikuti kelas pengajaran Al-Quran yang beliau anjurkan?
60 responses




Cart pai 11: Soalan yang menunjukkan bahawa adakah responden pernah mengikuti kelas pengajaran Al-Quran yang beliau anjurkan

Berdasarkan kepada Rajah 11 yang terlampir di atas, 20% daripada responden, atau setara dengan 12 orang, telah menyatakan bahawa mereka pernah mengikuti kelas pengajaran Al-Quran yang dianjurkan oleh individu tersebut. Di sisi lain, majoriti responden, iaitu 48 orang atau 80%, menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengikuti kelas pengajaran Al-Quran yang dianjurkan oleh individu tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masih terdapat sejumlah besar responden yang tidak mengetahui atau tidak pernah menghadiri kelas pengajaran Al-Quran yang dipersembahkan oleh Syaurah.

4. Apakah platform media sosial beliau yang sering anda ikuti untuk mempelajari Al-Quran?

60 responses




Carta pai 12: Platform media sosial beliau yang sering responden ikuti untuk mempelajari Al-Quran

Rajah 12 memperlihatkan bahawa 9 orang responden, atau sebanyak 15%, memilih untuk mengikuti beliau melalui platform media sosial, khususnya Facebook, dalam usaha memahami Al-Quran. Selain itu, 21 orang responden, atau 35%, menyatakan bahawa mereka mengikuti beliau melalui aplikasi TikTok untuk memperoleh pengajaran Al-Quran. Tambahan pula, 8 orang responden, setara dengan 13.3%, memberikan maklum balas bahawa mereka mengikuti beliau melalui aplikasi Instagram. Sehubungan dengan aplikasi Twitter dan jawapan "semua di atas," kedua-duanya memiliki jumlah responden yang serupa, masing-masing sebanyak 2 orang atau 3.35%. Sejurus dengan itu, jawapan "tidak pasti" pula diberikan oleh 30% daripada responden, atau setara dengan 18 orang. Dari segi kesimpulan, dapat disimpulkan bahawa jumlah responden yang memilih mengikuti beliau melalui aplikasi TikTok adalah lebih besar berbanding dengan aplikasi lain seperti Facebook, Instagram, dan Twitter. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh daya tarikan yang tinggi dan kebolehaksesan yang mudah diaplikasikan oleh TikTok, dengan paparan yang lebih mesra dan video yang pendek, menghindarkan rasa bosan dikalangan pengguna.

5. Apakah contoh pengajaran Al-Quran yang dikongsikan oleh beliau di media sosial?

60 responses




Carta pai 13: Contoh pengajaran Al-Quran yang dikongsikan oleh beliau di media sosial

Berdasarkan Rajah 13 yang tertera di atas, 33.3% daripada responden, iaitu seramai 20 orang, menyatakan bahawa ilmu tajwid merupakan contoh pengajaran Al-Quran yang dikongsi oleh individu tersebut melalui media sosial. Di samping itu, untuk jawapan berkaitan Qiraat dan "semua di atas," masing-masing memiliki peratusan yang serupa, iaitu 1%, setara dengan 1 orang bagi setiap kategori. Bagi pengajaran tarannum, terdapat 3 orang responden, setara dengan 6.4%. Sementara itu, dalam konteks ilmu hafazan, 18 orang responden atau 30% memberikan respons positif. Sebaliknya, jawapan "tidak pasti" diberikan oleh 28.3% daripada responden, setara dengan 17 orang. Dapatan kajian menyatakan bahawa ilmu tajwid mencapai kadar penerimaan yang tertinggi berbanding dengan ilmu-ilmu lain seperti qiraat, hafazan, dan tarannum.

6. Adakah pendekatan yang digunakan beliau ketika berkongsi tentang pengajaran Al-Quran mudah difahami oleh generasi muda?

60 responses




Carta pai 14: Soalan berkaitan sejauh mana pendekatan yang digunakan beliau ketika berkongsi tentang pengajaran Al-Quran mudah difahami oleh generasi muda

Rajah 14 di atas menunjukkan bahawa 80% daripada responden, iaitu seramai 48 orang, memberikan respons positif terhadap pendekatan yang digunakan oleh individu tersebut ketika berkongsi pengajaran Al-Quran yang mudah difahami oleh generasi muda. Sebaliknya, bagi jawapan "tidak," tidak ada responden yang memberikan respon terhadap kenyataan tersebut. Selanjutnya, bagi jawapan "tidak pasti," 20% daripada responden, seramai 12 orang, memberikan respon pada kenyataan tersebut. Dapat disimpulkan bahawa terdapat persetujuan yang besar di kalangan responden yang menyatakan bahawa pendekatan yang digunakan oleh Syaurah dalam berkongsi pengajaran Al-Quran memberikan impak yang positif kepada generasi muda.

7. Apakah tahap keberkesanan dalam pengajaran beliau?

60 responses




Carta pai 15: Soalan tentang tahap keberkesanan dalam pengajaran “Syaurah Ishak”

Hasil analisis soalan ketujuh berkenaan tahap keberkesanan dalam pengajaran “Syaurah Ishak”, didapati bahawa 24 (40%) responden yang mengakui bahawa pengajaran beliau berkesan dan peratusan itu merupakan pandangan yang paling ramai. 19 (31.7%) responden pula menyatakan bahawa pengajaran beliau memuaskan dan baki 17 (28.3%) responden memilih sangat memuaskan.

8. Adakah anda mengajak orang lain untuk mengikuti akaun media sosial beliau untuk pembelajaran Al-Quran?

60 responses



Carta pai 16: Soalan tentang sejauh mana responden mengajak orang lain untuk mengikuti akaun media sosial “Syaurah Ishak” untuk pembelajaran Al-Quran

Hasil analisis soalan kelapan yang bertujuan mengetahui sejauh mana responden mengajak orang lain untuk mengikuti akaun media sosial “Syaurah Ishak” untuk pembelajaran Al-Quran, didapati bahawa sejumlah besar responden mengajak orang lain untuk mengikuti akaun media sosial beliau iaitu seramai 43 orang (71.7%), manakala hanya 17 (28.3%) menyatakan tidak. Hasil ini menunjukkan bahawa para responden amat menitikberatkan pengajaran Al-Quran dan ingin berkongsi kebaikan dengan orang lain juga sama ada sahabat-sahabat, ahli keluarga mahupun masyarakat awam.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa penggunaan media sosial dalam pengajaran Al-Quran memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan generasi muda. Fenomena ini mencerminkan pentingnya adaptasi dengan perkembangan teknologi dan trend media sosial dalam usaha menyampaikan ajaran agama. Syaurah Ishak, sebagai figura pendakwah muda, telah mampu memanfaatkan media sosial secara efektif untuk menyebarkan pengajaran Al-Quran kepada generasi muda. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengakui keberkesanan pengajaran Al-Quran melalui media sosial dan menganggapnya sebagai medium yang sesuai untuk pembelajaran agama. Ilmu tajwid merupakan salah satu aspek yang paling banyak dikongsi dan dipahami oleh responden, menunjukkan kepentingan dalam pemahaman aspek-aspek teknikal Al-Quran. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa responden yang tidak pernah mengikuti kelas pengajaran Al-Quran yang dianjurkan oleh Syaurah Ishak. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya kesedaran atau kefahaman tentang kelas-kelas tersebut. Oleh itu, perlu ada usaha yang lebih besar untuk mempromosikan dan meningkatkan kesedaran mengenai kelas-kelas pengajaran Al-Quran yang dianjurkan oleh figura ini. Secara keseluruhan, kajian ini menyokong pandangan bahawa penggunaan media sosial dalam pengajaran Al-Quran adalah relevan dan membantu dalam membentuk

pemahaman agama di kalangan generasi muda. Kesimpulan ini memberikan pandangan positif terhadap peranan media sosial dalam menyebarkan ajaran agama dan menunjukkan keperluan untuk terus mengembangkan pendekatan ini dalam usaha mendidik dan memartabatkan ilmu Al-Quran di kalangan masyarakat.

Rujukan

- Abdullah, N. M., & Saleh, M. H. (2021). Trend Pembelajaran Al-Quran Melalui Facebook. *7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization* (pp. 482-491). Malaysia: FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Adam, F., Anuar, M. M., & Ali, E. M. T. E. (2015). Cabaran media baru sebagai medium pembelajaran agama dan penyelesaiannya dari perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 12-23.
- Adi Wibowo. (2019). Penggunaan Media Sosial Sebagai Trend Media Dakwah Pendidikan Islam Di Era Digital.
- Azman, Z. (2021). Dakwah Bagi Generasi Milenial Melalui Media Sosial. *Jurnal Khabar: Komunikasi Dan Penyiaran Islam*, 3(2), 193-205.
- Dr Zulkifli. Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Melalui Media Komunikasi. Academia.edu.
- Eko Sumadi. (2016). Dakwah Dan Media Sosial: Menebar Kebaikan Tanpa Diskriminasi
- Halim, Zainab & Azmi, Dania & Jasmi, Kamarul Azmi & Yarygin, Grigory. (2019). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam.
- Hasmawati, F., & Hamandia, M. (2022). Trendsetter Dakwah New Media (Media Sosial). *Wardah*, 23(1), 122-132. [https://doi.org/https://doi.org/10.19109/wardah.v23i1.12950](https://doi.org/10.19109/wardah.v23i1.12950)
- Laily, I. M., Astutik, A. P., & Haryanto, B. (2022). Instagram sebagai Media Pembelajaran Digital Agama Islam di Era 4.0. *Munaddhomah: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 3(2), 160–174. <https://doi.org/10.31538/munaddhomah.v3i2.250>.
- Marlina, Mastuang, Dewi Dewantara. (2021). Kepraktisan Bahan Ajar Dinamika Partikel Bermuatan Ayat-Ayat Al-Qur'an Menggunakan Model Pengajaran Langsung.
- Mohamad, S. P. B., Yusoff, Z. B. M., & Adli, D. S. B. H. (2014). Pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi golongan kelainan upaya mental: Analisis dari sumber tradisi Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 8, 153-168.
- Mohd, F. N. M. S. M., Zin, S. I., Ismah, N., & Azizan, S. N. H. A. R. Hafazan Al-Quran Menerusi Media Sosial: Satu Kajian Terhadap Pengaruh Dan Peranan Dalam

Masyarakat, Reciting the Quran through Social Media: A Study of the Influence and Role of Society.

Mustika Fitri Larasati Sibuea, Muhammad Ardiansyah Sembiring, Raja Tama Andri Agus (2020), Efektivitas Pembelajaran Daring Berbasis Media Sosial Facebook Dalam Meningkatkan Hasil Belajar.

Nasyrah Consultant. (n.d). Tentang Kami “Pengasas: Syaurah Ishak”.
<https://www.nasyrahconsultant.com/tentang-kami/>.

Risti, M. S. B. M., Abd Wahap, S. B., Misni, M. D. B., & Saidin, M. (2023). Mempertingkatkan Penyampaian Al-Quran dan Hadis mengikut Perkembangan Teknologi Era Globalisasi.

Suci Ramadhanti Febriani & Ayu Desrani. (2021). Pemetaan Tren Belajar Agama Melalui Media Sosial.